

# دلائل الحجة النبوية

وَشَيْئًا مِمَّا  
فِي ذِكْرِ الصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ الْمُخْتَارِ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Petunjuk-Petunjuk Kebaikan Dan Cahaya Yang Bergemerlapan Pada  
Menyatakan Selawat Ke Atas Junjungan Nabi Yang Terpilih

Karangan:

Al-Imām Abū ‘Abdi’Llāh Muḥammad bin Sulaymān Al-Juzūlī  
(W. 870H)

اعتنى بها:

أحمد عارف بن ذي الكفل

أستاذ مساعد في الجامعة العالمية الإسلامية بماليزيا

محمد أيمن العكتي

أستاذ مساعد في الجامعة العالمية الإسلامية بماليزيا

قرظها:

فضيلة العلامة الشيخ محمد نور الدين مربو البنجري المكي

شيخ معهد الزين المكي العلي للتفقه في الدين



دلائل الخيرات وشوارق الأنوار في ذكر  
الصلاة على النبي المختار صلى الله عليه وسلم  
للإمام أبي عبد الله محمد بن سليمان الجزولي (ت. 870 هـ)

اعتنى بها:  
أحمد عارف بن ذي الكفل  
محمد أيمن العكتي

قرظها:  
فضيلة العلامة الشيخ محمد نور الدين مربو البنجري المكي

HakCipta/Copyright @ AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah  
of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences,  
International Islamic University Malaysia

**ISBN:**

978-629-98643-5-6

**DALĀ'IL AL-KHAYRĀT WA SHAWĀRIQ AL-ANWĀR  
FĪ DHIKR AL-ṢALĀH 'ALĀ AL-NABĪ AL-MUKHTĀR**

Cetakan Pertama

2024

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan Perpustakaan Negara Malaysia/Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human

Perpustakaan Negara Malaysia/Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan

Buku ini merupakan kajian dan terjemahan kepada kitab karya Imām Abū 'Abd Allāh Muḥammad al-Juzūlī iaitu *Dalā' il al-Khayrāt wa Shawāriq al-Anwār*

**Diterbitkan di Malaysia oleh/Published in Malaysia by:**

AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed  
Knowledge and Human Sciences,  
International Islamic University Malaysia,  
Jalan Gombak,  
53100 Kuala Lumpur

## Isi Kandungan

Isi Kandungan .....	3
Panduan Transliterasi.....	5
Kata Pengantar.....	6
Mukadimah.....	11
Biografi Imam al-Juzūlī .....	14
Latar Belakang Muḥammad bin Sulaymān Al-Juzūlī .....	14
Nasab Dan Kelahiran .....	14
Guru-Guru Beliau .....	15
Murid-Murid Beliau.....	16
Karya Ilmiah Beliau .....	17
Karamah beliau.....	18
Tarekat -Juzūliyyah.....	19
Kewafatan Al-Juzūlī .....	21
Tema Akidah Di Dalam <i>Dalā'il al-Khayrāt</i> .....	22
Rujukan Al-Juzūlī Di Dalam Ilmu Akidah .....	24
Pengenalan Kitab <i>Dalā'il al-Khayrāt</i> .....	30
Sanad <i>Dalā'il al-Khayrāt</i> .....	34
صلى الله عليه وسلم في ذكر الصلاة على النبي المختار دلائل الخيرات وشوارق الأنوار .....	36
الحزب الأول في يوم الإثنين .....	46
الحزب الثاني في يوم الثلاثاء .....	50
الحزب الثالث في يوم الأربعاء.....	54
إِبْتِدَاءُ الثُّلُثِ الثَّانِي.....	55
الحزب الرابع في يوم الخميس .....	58
إِبْتِدَاءُ الرُّبْعِ الثَّالِثِ.....	60
الحزب الخامس في يوم الجمعة .....	63
الحزب السادس في يوم السبت .....	68

إِبْتِدَاءُ الثُّلُثِ الثَّلَاثِ .....	68
إِبْتِدَاءُ الرَّبِيعِ الرَّابِعِ .....	70
الحزب السابع في يوم الأحد .....	73
الحزب الثامن في يوم الاثنين .....	78
هَذَا الدُّعَاءُ يُقْرَأُ عَقِبَ خَتْمِ دَلَالِ الْخَيْرَاتِ .....	81
Terjemahan.....	83
Hizib Pertama Dibaca Pada Hari Isnin .....	103
Hizib Kedua Dibaca Pada Hari Selasa.....	114
Permulaan ¼ Yang Kedua.....	126
Hizib Ketiga Dibaca Pada Hari Rabu .....	128
Permulaan 1/3 Yang Kedua.....	134
Hizib Ke Empat Dibaca Pada Hari Khamis .....	139
Permulaan ¼ Yang Ketiga .....	147
Hizib Kelima Dibaca Pada Hari Jumaat .....	151
Hizib Keenam Dibaca Pada Hari Sabtu.....	165
Permulaan 1/3 Yang Ketiga .....	167
Permulaan ¼ Yang Ke Empat .....	174
Hizib Ke Tujuh Dibaca Pada Hari Ahad .....	179
Hizib Ke Lapan Dibaca Pada Hari Isnin.....	191
Doa Dibaca Setelah Selesai Membaca <i>Dalā`il Al-Khayrāt</i> .....	197
Daftar Pusaka .....	200

## Panduan Transliterasi

Panduan Transliterasi	ك k
د ء	ل l
ا a	م m
ب b	ن n
ت t	ه h
ث th	و w
ج j	ي y
ح h	ة at/ah
خ kh	ال al
د d	آ ā
ذ dh	اَ ā
ر r	اِ ī
ز z	اُ ū
س s	وَّ uww
ش sh	يَّ iyy
ص ṣ	اَوَّ aw
ض ḍ	يَّ ay
ط ṭ	
ظ ḏ	
ع ʿ	
غ gh	
ف f	
ق q	

## Kata Pengantar

### Shaykh Muhammad Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَبَّنَا فَاتِحَ بَيْنِنَا وَبَيْنَ قَوْمِنَا بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ الْفَاتِحِينَ، رَبِّ يَسِّرْ وَلَا تَعَسِّرْ رَبِّ تَمِّمْ بِالْخَيْرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نُورِ الْأَنْوَارِ وَسِرِّ الْأَسْرَارِ وَتَرْيَاقِ الْأَغْيَارِ وَمِفْتَاحِ بَابِ الْيَسَارِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ الْمُخْتَارِ وَعَلَى آلِهِ الْأَطْهَارِ وَأَصْحَابِهِ الْأَخْيَارِ عِدَّةَ نِعَمِ اللَّهِ وَإِفْضَالِهِ

أما بعد:

*Kitab Dalā'il al-Khayrāt wa Shawāriq al-Anwār fī Dhikr al-Ṣalāt 'alā al-Nabī al-Mukhtār* merupakan salah satu daripada empat amalan yang paling popular di seluruh dunia Islam. Ia berada pada turutan yang keempat paling banyak dibaca dan diamalkan; setelah *Hizb Imam Abū al-Ḥasan al-Shādhilī*, *Hizb Imam al-Nawawī*, *Rātib al-Ḥaddād* dan seterusnya *Dalā'il al-Khayrāt*.

Kitab ini benar-benar *al-isim 'alā al-musamma* (الاسم على المسمى), yakni memang betul-betul *dalā'il* (jamā' daripada perkataan *dalīl*), yang menunjukkan kepada kita kebaikan di dunia dan di akhirat. Suatu hal yang tidak kita ragui bahawa orang yang beramal dengan kitab *Dalā'il al-Khayrāt* dan membacanya setiap hari, sepanjang minggu, terus-menerus dengan putarannya, maka insyaAllah tidak hanya akan mendapatkan kebaikan yang abadi di hari Akhirat nanti dengan balasan yang berlipat kali ganda, namun pada masa yang sama juga mendapat 1001 *taysīr*, 1001 kemudahan dan 1001 hajat yang akan ditunaikan oleh Allah SWT.

Mungkin menjadi suatu pertanyaan, bagaimanakah daripada pelbagai kitab yang ditulis, daripada pelbagai jenjang waktu yang berbeza-beza, daripada sejumlah sekian kitab yang ditulis berkaitan *faḍā'il*, kelebihan dan

keutamaan beramal dengan selawat dan salam kepada Sayyidinā Rasūlullāh SAW, kitab ini boleh membawa kepada murah rezeki, panjang umur, sihat, afiat, ketenangan, ketenteraman, pahala, kesejahteraan, rezeki yang melimpah ruah, pengaruh, wibawa, *al-jah*, *al-makānah* dan *faḍā'il* lain?

Dengan bahasa yang mudah untuk kita fahami, kita di dunia ini walaupun semasa dengan seseorang, belum tentu kita pernah berjumpa dengannya, apatah lagi menjadi orang yang dekat dengannya. Sebagai contoh, kita sekarang berada di tahun 2023, bagi mereka yang tinggal di Pahang, pernah atau tidak bertemu dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sedangkan sama-sama tinggal di Pahang? Kalau bertemu pun belum pernah, apatah lagi untuk menjadi orang yang dekat dengan baginda. Ini sama-sama di dunia, sama-sama di Malaysia, sama-sama di Pahang pun belum ada peluang untuk berjumpa dengan baginda. Atau bagi mereka yang tinggal di Kuala Lumpur atau Putrajaya, ada yang tidak pernah berjumpa dengan Perdana Menteri yang ke-10, padahal hidup semasa, sezaman, bahkan mungkin seusia dengan beliau.

Nah bagi mereka yang sentiasa berselawat dan mengucapkan salam ke atas Sayyidinā Rasūlullāh SAW, ternyata Nabi kita menjanjikan kedudukan yang paling dekat dengan baginda di Hari Kiamat. Baginda bersabda:

أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ عَلَيَّ صَلَاةً

Terjemahan: Orang yang paling dekat dengan aku di Hari Kiamat nanti adalah orang yang paling banyak berselawat ke atasku.

Jika kita amati, kita hidup pada masa yang berbeza dengan Sayyidinā Rasūlullāh SAW, tidak pernah berkumpul dengan baginda, bahkan baginda telah meninggalkan kita lebih daripada 1400 tahun yang lalu, namun



ternyata kita akan berkumpul dengan baginda di alam Akhirat nanti. Bukan sekadar berkumpul semata-mata, bahkan menjadi *awla al-nās*, *aqrab al-nās* (orang yang paling utama dan paling dekat dengan baginda Rasūlullāh SAW).

Sekiranya kita dengan insan yang tidak semasa dengan kita dan tidak ada hubungan kekeluargaan atau nasab pun dapat berkumpul bersama-sama di alam Akhirat dengan sebab beramal di dunia, maka *min bāb al-awlā* (lebih-lebih lagi lah) akan dapat memperolehi hal-hal seumpama kesihatan, keafiatan, ketenangan, ketenteraman, keamanan, kebahagiaan, kewibawaan, pengaruh dan sebagainya yang kita perlukan dalam kehidupan kita. Jika dengan baginda pun kita boleh berkumpul, maka lebih-lebih lagi lah kita boleh berkumpul dengan perkara-perkara seperti umur yang panjang, rezeki yang melimpah-ruah, kedudukan yang baik, ketenangan, kebahagiaan, kesejahteraan, kerahmatan, keampunan, diperkenankan segala hajat keinginan, segala cita-cita dan angan-angan dengan keberkatan selawat dan salam ke atas baginda Nabi SAW.

Dengan berselawat, itu bererti kita telah menggunakan dua jalur; jalur *rabbānī* dan jalur *nabawī*. Jika kita berzikir, itu hanya sekadar berzikir sahaja, tetapi kalau kita berselawat itu bererti kita berzikir dan berselawat. Dikatakan pasti dan pasti akan menjadi manusia yang paling beruntung, paling bahagia di dunia dan di akhirat kerana dipilih menjadi seseorang yang Allah mudahkan lidahnya untuk banyak berselawat (dan akan mendapatkan selawat daripada Allah), kerana Allah tidak akan berselawat kepada orang yang celaka yakni ahli neraka. Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا

Terjemahan: Sesungguhnya Allah dan para malaikatNya berselawat ke atas Nabi, wahai sekalian orang yang beriman berselawatlah kepada baginda dan ucapkanlah salam.

Nabi kita SAW juga ada bersabda di dalam sebuah hadith:

من صلى علي مرة صلى الله عليه عشرة

Terjemahan: Barangsiapa yang berselawat ke atasku sekali, Allah pasti akan berselawat kepadanya 10 kali.

Terbukanya hati seseorang untuk melantunkan selawat dan terkumat-kamit mulutnya itu adalah tanda kebahagiaan dan restu Allah kepadanya kerana *ṣalawātullāh* yakni selawat dan rahmat Allah yang terlimpahkan kepada seseorang itu tidak mungkin akan berlaku kepada orang-orang yang dimurkai dan dicela oleh Allah Jalla Jalāluh. Maka dengan terbitnya *ta'liqāt, dirāsah* dan *taḥqīq* terhadap kitab *Dalā'il al-Khayrāt* yang ditulis oleh Dr Ahmad Arif Zulkefli dan Dr Muhammad Ayman al-Akiti ini diharapkan akan dapat menambahkan kecintaan kita kepada baginda Rasūlullāh SAW dan juga akan memotivasikan kita untuk memperbanyakkan selawat ke atas Sayyidinā Rasūlullāh SAW. Secara peribadi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada mereka berdua yang telah meluangkan waktu untuk mentahqīq, mengkaji dan mempelajari isi kandungan kitab *Dalā'il al-Khayrāt* yang dikarang oleh Imam Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Sulaymān al-Juzūlī *raḥimahullāh*.

بارك الله فيكم ونفع الله بكم ويعلمكم ويعلمنا وجعلنا من الصالحين أهل الطاعة والقسط

والمعرفة يا كريم

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين والحمد لله رب العالمين

*Akhukum,*

Shaykh Muhammad Nuruddin Marbu Abdullah al-Banjari al-Makki

20 Jun 2023 bersamaan 1 Dhu al-Hijjah 1444H

Ipoh, Perak.

## Mukadimah

Alhamdulillah, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muḥammad SAW, ahli keluarga baginda yang suci dan sahabat-sahabat baginda yang terpuji.

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kami siapkan terjemahan kitab *Dalā'il al-Khayrāt wa Shawāriq al-Anwār fī Dhikr al-Ṣalāt 'alā al-Nabi al-Mukhtār* karangan Imām Abū 'Abd Allah Muḥammad bin Sulaymān al-Juzūlī.

Kitab ini merupakan sebuah kitab selawat ke atas Nabi SAW yang menjadi fenomena diseluruh dunia Islam bermula dari hujung barat Islam; Maghribi hinggalah ke hujung timur dunia Islam iaitu Nusantara.

Imām al-Juzūlī merupakan tokoh yang lahir di Maghribi pada tahun 806 hijrah dan wafat di sana pada 870 hijrah ialah seorang yang mengasaskan tarekat al-Juzūliyyah yang sehingga sekarang masih lagi di amalkan di kawasan Souss selatan Maghribi. Makam beliau pada asalnya berada di Āfghāl tetapi kemudian dipindahkan ke Riyād al-'Arūs, Marrakech Maghribi<sup>1</sup> dan menjadi salah satu daripada tugu terkenal di sana iaitu Sab'atu Rijal atau wali tujuh Maghribi. Pada hari ini, tempat ini sentiasa penuh dengan ahabab yang datang menziarahi khususnya pada setiap petang hari Khamis setelah solat 'Asar. Para muḥibbīn ini berkumpul beramai-ramai untuk membaca kitab selawat ini bermula dari awal sehinggalah akhir kitab secara berjemaah, berhenti pada tempat berhenti yang sama, dengan intonasi dan lagu yang sama. Amalan ini telah wujud sejak beberapa kurun yang lalu dan masih diteruskan sehinggalah sekarang. Justeru, terdapat banyak orang Maghribi yang walaupun buta huruf tetapi mengingati kitab ini dari awal sehingga akhir, kerana telah

---

<sup>1</sup> Aḥmad Baba al-Tumbuktī, (2004), *Nayl al-Ibtihāj*, ed. Dr. 'Alī 'Umar, Maktabah al-Thaqāfah al-Dīniyyah, Kaherah, 2/229.

lama melaziminya. Sewaktu bacaan ini sedang berlangsung, beberapa orang ahli khidmat akan bangun untuk mengedarkan air susu segar dan kurma serta manisan hasil infaq orang ramai sebagai pembasah tekak para pembaca. Dan alhamdulillah budaya ini segar dan masih diamalkan sehingga sekarang.

Menurut tradisi orang-orang Maghribi, kebanyakan faqih atau Shaykh di sana akan menulis nuskah *Dalā'il al-Khayrāt* versi masing-masing dan menjadi warisan keluarga apabila mereka meninggal dunia. Di antara manuskrip tulisan tangan kitab ini yang paling cantik dan berkualiti adalah manuskrip tulisan Shaykh Muḥammad Mu'tā al-Sharqāwi berjudul *Dhakhīrah al-Muḥtāj fī al-Ṣalāt 'alā Ṣāhib al-Liwā' wa al-Tāj* sebanyak 56 jilid.

Kitab *Dalā'il al-Khayrāt* ini mengandungi himpunan selawat ke atas Nabi SAW dan doa-doa yang ditulis dengan bahasa yang puitis dan metafora yang sangat tinggi nilainya. Ianya adalah sebagai satu ekspresi cinta seseorang yang sangat kasih kepada Nabinya. Kitab ini mempunyai 8 hizib atau bahagian. Bahagian pertama dibaca pada hari Isnin manakala bahagian yang berikutnya dibaca mengikut turutan hari sehingga bahagian penutup iaitu hizib hari Isnin dan doa penutup.

Tujuan kami menterjemahkan kitab ini adalah sebagai satu bentuk sumbangan kami kepada masyarakat Melayu di Nusantara agar mereka dapat mengamalkan selawat-selawat dan doa-doa disamping memahaminya supaya ianya lebih meresap ke dalam hati nurani mereka dan mencapai tujuan sebenar dalam berdoa, berselawat dan bermunajat disaat membacanya.

Kami berharap kitab ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua yang membacanya dan menjadi bukti kecintaan kita semua kepada Nabi Muḥammad SAW dan agar kita semua istiqamah di dalam berselawat ke atas baginda SAW.